

Puisi

Hasyuda Abadi

Menjadi Bendera

Sebelum menjadi bendera jadilah pokok yang subur.
Menjadi pokok bermakna telah lama tersimpan idaman
oleh sebilangan mahluk Tuhan.

Ketika zaman berzaman dari pokok ilham terhumban
di tengah sorak di belantara atau taman-taman kemenangan.
Di tengah perjuangan diarak pokok kerana di situlah kekuatan.

Bendera pun kerkibar dan sangat dihormati
gemilang menjulang semangat berani
dan cinta maha tinggi.

Akademi Rupha

17.8.2022

Benarkan Kuberduka

- buat Malaysiaku

Benarkan kuberduka meninggalkan pelabuhan
masa sudah, menemukan lorong-lorong
di hadapan, menerima malam-malam
kosong dengan aman.

Benarkan kuberduka mendapatkan inti diksi-diksi
menyuguh ilusi mengutip pecahan padu
kalbu kelabu di seluruh liku
merenjis hamis hempedu dinikmat generasi,
benarkan kuberduka jika tanpa sesiapa
tangan-tangan dosa telah merobek jantung nusa
menjadikannya debu-debu berakar
di angkasa tanpa suara.

Benarkan kuberduka menerima segala cerca
kutukan demikian saujana tak juga mengenalinya,
tak juga memahaminya tak juga menikmatinya,

masa sudah mengalir di lautan nestapa.
benarkan kuberduka
begitu tak kupunya air mata
tak kupunya mampu dan kuasa
hanya panjang langkah
menjernihkan kabut kuala.

Akademi RupHA
15.3.2022

Membuka Kamus Insaniah

Kata-kata, kembara dan meneroka. Dibina frasa demi frasa. Berbaur bersama emosi. Dalam emosi ada dunianya. Ada tamannya. Ada gelanggangnya. Ada kembara dan penerokaan yang tak habis. Tak ditemukan akhir. Tak berakhir oleh tanda apa pun. Tak tercari tetapi dicari mata pisau kata. Tak luka hanya bisa dijahit sangka. Seperti mendaki ke puncak mengejar puncak benar. Tetap jua belukar persoalan yang tebal. Mekar mawar di tamannya telah di mana. Ketika mula bertemu dan bertamu di meja baca. Entah mampukah menyulam bahasa indah? Masih mahukah membuka lembaran kamus insaniah. Membiasakan berbasa basi, berlapis maksud, bertradisi memandang cinta. Sayang itu jarang membunuh dengan berang. Ukhluwwah itu santun diasuh adabiyyah maha guru pesuruh Pencipta. Siapalah kita yang mampu mengutip bicara dari peristiwa-peristiwa masa sudah. Mengulangi tabii manusiawi. Menuai hasil yang sama dalam beza niat dan mahu, dalam beza mahu dan nahu.

Akademi RupHA
22.11.2020

Biodata Penulis:

Hasyuda Abadi

Penyair kelahiran Beaufort, Sabah pada 1 September 1960. Pernah bertugas di Jabatan Penyiaran Malaysia dan Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah, sebelum bersara pilihan pada 2015. Prolifik dalam genre puisi dengan menghasilkan 10 kumpulan dan 76 antologi. Antara kumpulan puisinya adalah *Balada Paduka Mat Salleh* (DBP, 1989), *Suara yang Terbuka* (ITBM, 2014) dan *Melawan Kebiasaan* (DBP, 2023). Penyair adalah Penerima Anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah ke-11 (2008), Anugerah Tokoh Seni Sastera Islam Sabah (2022) dan Anugerah Sasterawan Negeri Sabah ke-3 (2023). Beliau merupakan pengasas dan pemilik Rumah Puisi Hasyuda Abadi (RupHA), pengurus Pustaka Iqbal Nazim, Penggerusi Kelab Komuniti Penggiat Buku Negeri Sabah (KEBUKU) di samping menganggotai PENA, BAHASA dan IPS. Kini Hasyuda Abadi adalah Ketua Majlis Penasihat IPS.